

## DASAR ASUHAN DAN DIDIKAN AWAL KANAK-KANAK KEBANGSAAN

### LATAR BELAKANG

1. Pelbagai kajian mengenai perkembangan awal kanak-kanak khususnya di bawah umur 4 tahun menjelaskan bahawa otak kanak-kanak mengandungi 100 bilion sel saraf (neuron) yang mana akan membina perhubungan (sinaps) apabila sel-sel dirangsang. Hampir 90% perkembangan otak kanak-kanak berlaku dengan pantas semasa mereka berumur di bawah 4 tahun. Ini membuktikan bahawa peringkat awal perkembangan kanak-kanak adalah tempoh formatif dan merangkumi detik-detik kritikal dalam pembangunan seseorang individu.
2. Kajian juga menunjukkan bahawa kejayaan masa depan kanak-kanak bergantung pada persediaan yang diterima semasa umur sebelum 5 tahun. Pengalaman pembelajaran yang positif, di samping persekitaran emosi, fizikal dan intelektual yang ceria dan gembira akan memberi impak ke atas perkembangan otak kanak-kanak melalui pembentukan lebih banyak sinaps yang seterusnya akan berkekalan. Perkembangan ini akan mempengaruhi pembangunan ilmu kognitif, kemahiran sosial, pertuturan dan bahasa ketika kanak-kanak tersebut dewasa kelak.
3. Falsafah Pendidikan Negara yang diasaskan kepada hasrat serta aspirasi negara, memberi penekanan kepada usaha melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak, seimbang dan harmonis, yang boleh mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Ini menjadi satu matlamat penting sistem pendidikan kebangsaan dan misi ini seharusnya dimulakan sejak dari lahir bagi memastikan perkembangan emosi dan kognitif kanak-kanak lebih optimum dan bersedia apabila memasuki alam persekolahan formal di umur 5 tahun.

### 1. RASIONAL DASAR

#### Keperluan Dasar Yang Komprehensif

4. Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun mewujudkan Dasar Pendidikan Awal untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun. Sehingga kini, masih belum ada satu dasar yang komprehensif yang menggabungkan asuhan dan didikan awal kanak-kanak berumur di bawah 4 tahun di negara ini. Dengan yang demikian, kewujudan

Dasar ini adalah penting bagi menentukan hala tuju Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak (program ADAK)

5. Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan ini merupakan asas penting sebagai landasan jangka panjang dari pelaburan awal dalam pembangunan modal insan seperti yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia ke-9. Kanak-kanak hari ini merupakan bakal pewaris dan modal insan negara di masa hadapan. Penumpuan kepada peringkat umur ini merupakan salah satu strategi awal bagi mengasaskan pendidikan sepanjang hayat dengan menghasilkan insan berjiwa murni, berakhlak mulia, berdisiplin serta berkemahiran menangani perubahan teknologi dan sosioekonomi global.

#### Pelaburan Awal Modal Insan

6. Keperluan menyediakan program Early Children's Education Curriculum (ECEC) yang berkualiti adalah sangat penting kerana pelaburan yang dibuat untuk setiap kanak-kanak yang baru lahir pada hari ini akan memberikan pulangan yang amat besar di masa hadapan. Ini disebabkan program ECEC yang berkualiti adalah asas kepada pembangunan modal insan yang produktif di abad ke-21 yang berteraskan teknologi dan ICT.

#### Penyeragaman Perundangan

7. Penubuhan pusat asuhan dan didikan awal kanak-kanak adalah tertakluk di bawah 2 Akta yang dikendalikan oleh 2 Kementerian yang berasingan. Akta-akta ini ialah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak, 1984 (Akta 308) bagi kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dan Akta Pendidikan 1996, (Akta 550) bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun. Oleh yang demikian, untuk menetapkan peranan dan tanggungjawab agensi-agensi kerajaan mengenai asuhan dan didikan awal kanak-kanak, kedua-dua Akta tersebut perlu diselaraskan.

#### Mewujudkan Kurikulum Kebangsaan Sebagai Garis Panduan

8. Buat masa ini, belum ada satu Kurikulum Kebangsaan digubal untuk mengintegrasikan asuhan dan didikan awal kanak-kanak di bawah umur 4 tahun di Malaysia. Walaupun Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) diwajibkan kepada semua pengusaha/pengasuh berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak, namun demikian aspek utama KAAK memberi tumpuan kepada asuhan dan keselamatan kanak-kanak.

9. Pembangunan kurikulum yang komprehensif bagi perkembangan awal kanak-kanak secara menyeluruh adalah sangat penting. Ia akan meneruskan kesinambungan dalam pedagogi pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang merangkumi umur dari lahir sehingga selesai persekolahan. Program PERMATA telah pun menggubal Kurikulumnya tersendiri serta dinilai melalui ujian kajian pemakaiannya di kalangan kanak-kanak di Pusat-pusat PERMATA. Hasilnya adalah memberangsangkan dalam pembangunan awal kanak-kanak secara holistik, meliputi pendidikan, pengasuhan, nutrisi dan kesihatan. Oleh itu, Kurikulum PERMATA telah dipersetujui dijadikan sebagai garis panduan Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan.

#### Perbezaan Latihan dan Kelayakan

10. Dari segi latihan tenaga pendidik bagi TASKA kerajaan dan swasta, ia mengikut kaedah dan matlamat masing-masing. Jurulatih yang menjalankan kursus ini juga mempunyai kelayakan yang pelbagai. Lanjutan dari pendedahan kursus yang pelbagai kaedah dan pendekatan ini, kanak-kanak mendapat pendidikan pra sekolah yang pelbagai juga. Jika keadaan ini dibiarkan berlanjutan, ia tidak akan membantu usaha kerajaan untuk menyelaras dan meningkatkan kualiti asuhan dan didikan awal kanak-kanak di negara ini.

#### Perbezaan Kemudahan Fizikal

11. Kemudahan fizikal dan peralatan pembelajaran di TASKA-TASKA kerajaan dan swasta kini amat berbeza tertakluk kepada keupayaan TASKA berkenaan. Perbezaan ini memberi kesan kepada pembangunan potensi kanak-kanak berkembang dengan optimum.

#### Sistem Pemantauan dan Penguatkuasaan

12. Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 telah memberi kuasa kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat berhubung aspek pemantauan dan penguatkuasaan. Walaupun terdapat satu sistem penguatkuasaan dan pemantauan, namun demikian pelaksanaannya hanya dari segi pemantauan sahaja.

## 2. PENYATAAN DASAR

13. Penjelasan secara khusus pernyataan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan ialah :

"Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan ialah Dasar yang komprehensif bagi memastikan perkembangan yang holistik bagi semua kanak-kanak dari lahir hingga 4 tahun. Ia menjadi asas kukuh kepada pembangunan potensi kanak-kanak berlandaskan acuan Malaysia. Dasar ini adalah pengukuh serta pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan sedia ada".

14. Pernyataan Dasar ini penting memandangkan kanak-kanak merupakan kumpulan masyarakat yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan, ibu bapa, NGO dan pihak swasta supaya mereka dibesarkan mengikut acuan Malaysia ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi dan berperibadi mulia. Justeru semua pihak yang bertanggungjawab perlu menggembelng tenaga, kepakaran dan sumber, menyediakan program, perkhidmatan, pendidikan dan latihan, perlindungan serta kemudahan-kemudahan yang dapat merangsang perkembangan positif kanak-kanak.

Objektif

15. Objektif Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan adalah :-

- (i) menyediakan asas kepada pembangunan potensi insan yang seimbang dan optimum berlandaskan acuan tersendiri dengan mengambil kira nilai-nilai tempatan dan amalan bijak antarabangsa;
- (ii) menggalakkan kanak-kanak di bawah umur 4 tahun mendapat asuhan dan didikan yang berkualiti bagi merangsang perkembangan awal mereka yang sesuai mengikut kumpulan umur dari segi fizikal, bahasa, kognitif, sosio-emosi dan rohani dalam persekitaran yang selamat, sihat dan menyeronokkan;
- (iii) membangunkan kurikulum yang komprehensif bagi perkembangan awal kanak-kanak secara menyeluruh meliputi pendidikan, pengasuhan, nutrisi dan kesihatan;
- (iv) mewujudkan kemudahan infrastruktur dan persekitaran pembelajaran termasuk peralatan pembelajaran yang berkualiti bagi membolehkan pencapaian hasil pembelajaran yang positif;
- (v) menggalakkan penglibatan dan hubungan yang teguh antara ibu bapa, Kerajaan, pihak swasta dan juga badan bukan kerajaan serta

kumpulan masyarakat setempat di dalam pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak;

- (vi) meningkatkan kesedaran awam terhadap keperluan memberikan pendidikan awal kanak-kanak dari lahir hingga ke 4 tahun sebagai asas utama pembangunan holistik mereka sebelum memasuki alam persekolahan formal; dan
- (vii) memastikan pewujudan dan pelaksanaan sistem pemantauan dan penilaian keberkesanan program asuhan dan didikan awal kanak-kanak.

#### Kumpulan Sasar

16. Kumpulan sasar bagi Dasar ini adalah kanak-kanak di bawah umur 4 tahun khususnya bagi kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah dari kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Mengikut statistik 2007, populasi kanak-kanak yang berumur di bawah 4 tahun adalah seramai 3,116,200 orang. Dari jumlah ini hanya 10% atau seramai 300,000 orang kanak-kanak yang dianggarkan menghadiri taman asuhan kanak-kanak di 8841 buah TASKA (iaitu 2,176 buah TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan di 6,665 buah TASKA yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat).

17. Dianggarkan juga daripada 8,841 buah TASKA ini hanya 30% atau 2,653 buah TASKA (berdaftar dan tidak berdaftar) terletak di kawasan luar bandar yang memberikan perkhidmatan pengasuhan kepada 80,000 orang kanak-kanak bawah umur 4 tahun. Daripada jumlah 2,653 buah TASKA ini, sebanyak 304 TASKA adalah di bawah kelolaan KEMAS dengan bilangan kanak-kanak seramai 3,654 orang.

18. Berdasarkan kepada statistik di atas, hampir 90% atau seramai 2,816,200 orang kanak-kanak bawah umur 4 tahun tidak mendapat pendedahan kepada apa-apa program ECEC yang mana amat kritikal bagi merangsang perkembangan awal pembangunan minda mereka. Sekiranya trend ini berlanjutan di mana hanya 10% sahaja kanak-kanak bawah 4 tahun mendapat akses kepada mana-mana program ECEC, adalah diunjurkan bahawa pada tahun 2020 bilamana Malaysia disasarkan mencapai taraf negara maju, hampir 3,399,480 orang kanak-kanak bawah umur 4 tahun tidak berpeluang mengikuti program ECEC. Keadaan ini menunjukkan bahawa keperluan untuk menyediakan program ECEC bagi kanak-kanak bawah 4 tahun adalah amat kritikal. Kanak-kanak ini sepatutnya diberikan pendedahan kepada program ECEC yang lebih sistematik dan terancang sebelum memasuki persekolahan secara formal.

### 3. KOMPONEN DASAR

19. Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak ini meliputi 4 komponen utama iaitu :

- I. Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan
- II. Kemudahan Fizikal
- III. Tenaga pendidik dan
- IV. Penglibatan Ibu Bapa

I - Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan  
(Kurikulum PERMATA)

20. Kurikulum Kebangsaan adalah berasaskan kurikulum PERMATA dan kurikulum Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK). Kurikulum PERMATA telah dibangunkan selaras dengan kurikulum Sure Start yang diguna pakai di Pen Green Centre, Colby, England. Kurikulum ini telah diuji rintis di empat belas buah Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN), dan dikaji semula serta dibuat penambahbaikan dengan mengambil kira kurikulum-kurikulum Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, kurikulum Sijil Asas Pendidikan Awal Kanak-kanak TASKA (SAPAKT) dari Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Hasil daripada penambahbaikan ini, maka sebuah Kurikulum Kebangsaan yang lengkap telah digubal untuk kegunaan TASKA di seluruh Malaysia.

Konsep Kurikulum Kebangsaan

21. Kurikulum Kebangsaan adalah berasaskan konsep seperti berikut :

- (i) pendidikan secara holistik atau Whole brain learning;
- (ii) pendekatan kurikulum menekankan pengupayaan (empowerment) kanak-kanak di mana kanak-kanak digalakkan meneroka, mencuba, bereksperimen dan berinteraksi dengan rakan-rakan dan orang dewasa secara bebas dan dengan alam sekitar yang selamat;
- (iii) pembelajaran adalah menyeronokkan (learning is fun), bertujuan membina kemahiran sosial, kemahiran awal matematik dan awal literasi, merangsang minda dan meningkatkan rasa ingin tahu

(curiosity) yang tinggi, di samping membina sosio-emosi yang ceria dan tenang;

- (iv) kurikulum dan pedagogi melibatkan penyertaan aktif ibu bapa, pakar bidang awal kanak-kanak, pegawai kesihatan / perubatan, psikologi, neurosaintis, sosiologis, jabatan-jabatan kerajaan dan pihak-pihak berkuasa tempatan;
- (v) program pengasuhan bayi dan kanak-kanak adalah meliputi aspek-aspek membina hubungan emosi (attachment), penjagaan, pemakanan, kebersihan / kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan persekitaran (well-being);
- (vi) proses pendidikan disebatikan dengan proses pengasuhan agar perkembangan kanak-kanak dapat berlaku secara serentak, optimum dan berkesan;
- (vii) penilaian kanak-kanak adalah berasaskan pemerhatian klinikal menggunakan kaedah 'pedagogi permainan' (play pedagogy) yang direkodkan dengan jelas.

#### Skop Kurikulum Kebangsaan

22. Skop Kurikulum Kebangsaan meliputi 6 bidang pembelajaran dan 1 aspek pengasuhan lengkap seperti berikut :

- (i) Perkembangan Sosio-Emosi, Sahsiah dan Kerohanian;
- (ii) Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal;
- (iii) Perkembangan Pra-matematik dan Pemikiran Logik;
- (iv) Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran;
- (v) Perkembangan Fizikal dan Kemahiran Mengurus Diri;
- (vi) Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif; dan
- (vii) Aspek pengasuhan yang meliputi :
  - a. Keselamatan;
  - b. Pemakanan seimbang;
  - c. Penjagaan bayi dan kanak-kanak; dan
  - d. Amalan pengasuhan.

#### Indikator Kualiti Kurikulum Kebangsaan

23. Indikator yang boleh diambil kira bagi menentukan kualiti Kurikulum Kebangsaan ialah seperti berikut :

- (i) kanak-kanak aktif dan terlibat dalam aktiviti pembelajaran;
- (ii) matlamat yang ingin dicapai jelas dan difahami oleh semua pihak;
- (iii) kurikulum adalah berasaskan penyelidikan;
- (iv) pedagogi pembelajaran adalah melalui permainan, penerokaan, berfokus dan terancang;
- (v) kurikulum yang komprehensif;
- (vi) ada standard piawaian untuk mengawal selia Kurikulum;
- (vii) penaksiran perkembangan kanak-kanak dibuat melalui pelbagai teknik yang menggambarkan prestasi kanak-kanak yang sebenar; dan
- (viii) sistem sokongan / perkhidmatan untuk membantu ibu bapa dan masyarakat setempat membina kehidupan sihat, selamat dan sejahtera

(i) Kanak-kanak aktif dan terlibat dalam aktiviti pembelajaran

24. Kanak-kanak sentiasa aktif dan berhubungan dengan keadaan sekitaran mereka. Kanak-kanak sejak bayi sehingga mencapai umur pra sekolah hendaklah dipastikan supaya sentiasa aktif dalam aspek kognitif, fizikal, sosial dan seni kemahiran. Kanak-kanak di semua peringkat umur berkebolehan, berupaya menunjukkan minat dan berhubungan mengikut cara mereka sendiri. Ini akan membangunkan sikap yang positif terhadap proses pembelajaran serta menyokong perasaan selamat, kompetensi emosi dan hubungan mereka dengan keluarga dan juga komuniti.

(ii) Matlamat yang ingin dicapai jelas dan difahami oleh semua pihak

25. Tujuan dan objektif dinyatakan secara jelas bagi membolehkan ia dikongsi dan mudah difahami oleh semua pihak termasuklah "stakeholders" (contohnya pentadbir program, pendidik dan ahli keluarga).

(iii) Kurikulum adalah berasaskan penyelidikan

26. Kurikulum ini disusun berdasarkan kepada prinsip pembangunan kanak-kanak dan berasaskan kepada bukti-bukti yang telah diperolehi serta didapati relevan dari aspek pembangunan, budaya dan linguistik bagi kanak-kanak.

(iv) Pedagogi pembelajaran adalah melalui permainan, penerokaan, berfokus dan terancang

27. Aspek nilai dipelajari melalui penyiasatan, permainan dan pembelajaran berfokus. Kanak-kanak belajar melalui kaedah mencuba, memikirkan sesuatu dan bertanya pelbagai perkara atau fenomena. Pengalaman-pengalaman ini akan membantu kanak-kanak untuk bersedia menyiasat buah fikiran (idea) yang lebih besar, yang akan menjadi penting di setiap peringkat umur kanak-kanak dan seterusnya menjadi penyambung kepada proses pembelajaran berikutnya.

(v) Kurikulum yang komprehensif

28. Kurikulum adalah komprehensif merangkumi semua bidang yang kritikal dan penting untuk pembangunan kanak-kanak termasuklah pembangunan untuk kesejahteraan fizikal dan pergerakan motor, pembangunan sosial dan emosi meliputi penggunaan pelbagai pendekatan untuk pembangunan pembelajaran dan bahasa. Kurikulum ini juga mengambil kira aspek kognitif, pengetahuan am termasuk sains, matematik, literasi dan juga kesenian.

(vi) Ada standard piawaian untuk mengawal selia Kurikulum

29. Terdapat standard piawaian profesional untuk pengesahan kandungan subjek utama kurikulum. Di samping itu terdapat juga standard yang seragam di peringkat ECEC yang digunakan untuk tujuan mengesahkan kaedah implementasi dan praktikal yang diguna pakai dalam melaksanakan Kurikulum.

(vii) Penaksiran perkembangan kanak-kanak dibuat melalui pelbagai teknik yang menggambarkan prestasi kanak-kanak yang sebenar

30. Penilaian dibuat berasaskan sumber-sumber yang terbukti kesahihannya dan juga dari bukti-bukti yang diperolehi daripada sekitaran yang sebenar dan daripada pelbagai situasi yang boleh mencerminkan prestasi sebenar kanak-kanak.

(viii) Sistem sokongan / perkhidmatan untuk membantu ibu bapa dan masyarakat setempat membina kehidupan sihat, selamat dan sejahtera

31. Semua ibu bapa dan masyarakat setempat / komuniti diberikan akses kepada pelajaran, pengetahuan dan khidmat kaunseling berkaitan ECEC di dalam perkhidmatan ECEC yang disediakan.

## II - Kemudahan Fizikal

32. Hasil berbagai-bagai kajian mengenai amalan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak menunjukkan bahawa kemudahan fizikal dan persekitaran pembelajaran termasuklah premis atau bangunan, kawasan luaran serta peralatan pembelajaran yang berkualiti dan memenuhi keperluan kanak-kanak serta kurikulum dan kaedah pembelajaran sangatlah penting bagi memastikan pencapaian hasil pembelajaran yang positif dan berpanjangan. Kemudahan fizikal dan persekitaran pembelajaran pusat pendidikan awal akan menyumbang kepada pembinaan keyakinan, keselamatan dan kesejahteraan anak-anak.

33. Pada masa ini kemudahan fizikal dan peralatan pembelajaran pendidikan awal kanak-kanak yang disediakan oleh pelbagai agensi di sektor awam adalah berbeza disebabkan oleh keupayaan kewangan. Kemudahan yang berbeza-beza ini tidak berupaya memberi hasil pembelajaran yang optimum kepada kanak-kanak terutama di kawasan luar bandar dan pinggir bandar. Bagi membolehkan penyertaan maksimum dari kumpulan sasar adalah dicadangkan supaya Pusat PERMATA ini di wujudkan di lokasi yang berhampiran di kawasan kediaman kumpulan sasar.

### Penubuhan Pusat PERMATA

34. Pusat PERMATA bolehlah ditubuhkan melalui salah satu dari tiga cara berikut :

(a) Menaik Taraf Bangunan Atau Premis TASKA Yang Sedia Ada

Kaedah ini memerlukan pengubahsuaian dan proses naik taraf premis atau bangunan TASKA yang sedang beroperasi supaya selaras dengan keperluan Kurikulum Kebangsaan.

(b) Mengubahsuai Bangunan Sedia Ada Yang Sesuai Lokasi Dan Strukturnya

Kaedah ini melibatkan pengubahsuaian bangunan atau premis sedia ada untuk dijadikan Pusat PERMATA supaya selaras dengan keperluan Kurikulum Kebangsaan.

(c) Membina Bangunan Baru

Sekiranya bangunan sedia ada tidak diperolehi maka bangunan baru bolehlah dibina selaras dengan keperluan Kurikulum Kebangsaan.

Ciri-ciri Pusat PERMATA

35. Pelan atau reka bentuk bangunan yang diubahsuai, dinaiktarafkan atau dibina perlu memenuhi keperluan fizikal anak-anak. Misalnya ketinggian singki, tandas atau kemudahan lain dalam bangunan mestilah sesuai dengan ketinggian kanak-kanak di bawah umur 4 tahun. Bangunan juga mestilah memenuhi ciri-ciri keselamatan yang diperlukan oleh pelbagai agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Bomba. Secara keseluruhannya bangunan atau premis perlulah mesra kanak-kanak di samping menampilkan ciri-ciri keceriaan yang menarik minat kanak-kanak. Dengan adanya rasa selamat dan dilindungi kanak-kanak akan lebih bebas, berkeyakinan dan bersemangat untuk belajar melalui aktiviti meneroka, mencuba dan pelbagai pengalaman kehidupan yang menyeronokkan.

Kemudahan dan Peralatan Pembelajaran

36. Bagi membolehkan pendidik melaksanakan Kurikulum Kebangsaan secara berkesan dan mencapai hasil pembelajaran yang disasarkan kemudahan dan peralatan pembelajaran yang sesuai memainkan peranan utama. Peralatan pembelajaran yang disediakan di pusat PERMATA tidak perlu diseragamkan jenis, kuantiti atau rupa tetapi mestilah diselaras dengan keperluan aktiviti pembelajaran yang dirangkumi dalam Kurikulum Kebangsaan yang dapat merangsang pertumbuhan kanak-kanak.

III - Tenaga Pendidik

Keperluan Perkhidmatan Tenaga Pendidik Yang Berkelayakan

37. Perkhidmatan Tenaga Pendidik yang terlatih dan berkelayakan akademik sekurang-kurangnya di peringkat Diploma dalam bidang perkembangan dan pendidikan awal kanak-kanak telah dibuktikan sebagai antara faktor terpenting menyumbang kepada kejayaan program pendidikan awal yang bertujuan membina

asas perkembangan emosi dan minda kanak-kanak yang kukuh. Tenaga Pendidik yang berkelayakan dalam perkembangan kanak-kanak diperlukan atas sebab-sebab berikut :

- (i) pendidik memainkan peranan utama dalam membentuk sahsiah dan sikap anak-anak. Khususnya bagi kanak-kanak yang baru mengenali diri, emosi dan kebolehan interaksi sosial mereka;
- (ii) hasil pembelajaran awal yang positif hanya boleh dipastikan oleh pendidik yang berkualiti dan berkelayakan dan mereka perlu membantu kanak-kanak yang buat pertama kalinya berada dalam kumpulan anak-anak dari bangsa, budaya dan agama yang berlainan;
- (iii) mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi secara berkesan dengan kanak-kanak, rakan sekerja dan keluarga kanak-kanak;
- (iv) berkeupayaan melaksanakan program, menggunakan peralatan pembelajaran secara berkesan; dan
- (v) berdaya kreatif dan mampu membawa perubahan sesuai dalam kehidupan kanak-kanak dan keluarga mereka.

#### 4. PENGLIBATAN IBU BAPA

38. Kajian menunjukkan perkembangan dan prestasi pembelajaran anak-anak adalah lebih baik apabila ibu bapa mereka terlibat secara aktif dan berterusan dalam pendidikan mereka sejak awal lagi. Penglibatan aktif dan sokongan ibu bapa di peringkat ini akan dapat meningkatkan potensi pembelajaran anak-anak melalui penerusan kaedah pembelajaran tersebut di rumah. Asuhan dan didikan yang serupa di pusat dan di rumah akan membantu kesinambungan proses pembelajaran dan mengelakkan kekeliruan di kalangan anak-anak. Di samping itu ia juga dapat menjalinkan perhubungan yang rapat di antara ibu bapa dan tenaga pendidik, juga bagi membolehkan pendidik mengenali serta memahami anak-anak dengan lebih mendalam. Dengan yang demikian ibu bapa adalah diwajibkan untuk menyumbang kepada aktiviti pusat sekurang-kurangnya 4 jam sebulan.

#### 5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI

- (i) Aspek Perundangan

39. Peranan dan tanggungjawab agensi dalam pelaksanaan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan adalah berasaskan aspek perundangan, prinsip bidang tugas, amalan sedia ada dan kesediaan agensi.

40. Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2008 [P.U.(A) 170/2008] memperuntukkan bahawa :

- (i) Y.B Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berkaitan dengan :
  - (a) penggalakan dan penguatkuasaan perkhidmatan asuhan kanak-kanak dan pusat jagaan;
  - (b) pembentukan dasar dan strategi program pembangunan kanak-kanak; dan
  - (c) penyelarasan dan pemantauan program pembangunan kanak-kanak.
- (ii) Y.B Menteri Pelajaran adalah bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berkaitan dengan pengurusan pendidikan prasekolah, rendah dan menengah.

41. Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan ini menggabungkan dua aspek, iaitu pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Walaupun aspek pengasuhan adalah suatu komponen dalam Kurikulum ini, namun fokus utama Kurikulum adalah berhubung dengan pendidikan yang merupakan perkara spesifik di bawah tanggungjawab Menteri Pelajaran, manakala komponen pengasuhan adalah perkara umum di bawah tanggungjawab Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Berdasarkan bahawa tanggungjawab spesifik mengatasi tanggungjawab umum, oleh yang demikian perkara berkaitan dengan penggubalan, pelaksanaan, naziran Kurikulum Kebangsaan ini serta penyediaan guru boleh diletakkan di bawah Menteri Pelajaran.

42. Dengan yang demikian, Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No.2) 2008 perlulah dipinda sewajarnya bagi meletakkan perkara berhubung dengan Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan di bawah umur 4 tahun di bawah Menteri Pelajaran, sementara perkara yang berkaitan dengan kanak-kanak secara umum kekal di bawah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

43. Dalam hubungan ini, arahan pentadbiran boleh dikeluarkan oleh Y.B Menteri Pelajaran, selaku Menteri yang dipertanggungjawabkan ke atas kurikulum tersebut, kepada semua TASKA yang dikelolakan oleh agensi Kerajaan untuk melaksanakan Kurikulum tersebut.

(ii) Kementerian Pelajaran

44. Peranan dan tanggungjawab Kementerian Pelajaran mencakupi perkara-perkara berikut :

- (i) menggubal Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan berasaskan Kurikulum PERMATA dengan mengambil kira aspek asuhan Kurikulum KAAK. Ini bagi memastikan kesinambungan dengan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang diwujudkan oleh Kementerian Pelajaran bagi kanak-kanak berumur 4-6 tahun;
- (ii) pengawalseliaan, pemantauan / naziran ke atas pelaksanaan Kurikulum; dan
- (iii) penyediaan tenaga pendidik, termasuk perkara-perkara berkaitan dengan penetapan kelayakan pengasuh dan tenaga pendidik.

(iii) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

45. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah agensi bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak Tahun 1984 (Akta 308). Akta tersebut meliputi antara lain aspek pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan TASKA bagi mematuhi penetapan ciri-ciri piawaian minimum yang merangkumi tahap kesihatan, keselamatan, kebersihan, nisbah pengasuh dan nisbah ruang oleh pusat-pusat asuhan yang berdaftar. KPWKM dari itu perlu meneruskan peranan dan tanggungjawabnya seperti mana di bawah Akta tersebut. Di samping itu JKM juga perlulah meneruskan peranannya sebagai agensi penyelaras Taska Komuniti.

(iv) Jabatan Kemajuan Masyarakat

46. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) perlu meneruskan peranannya sebagai agensi pelaksana program asuhan dan didikan awal kanak-kanak melalui TASKA KEMAS dengan tumpuan kepada kawasan-kawasan di luar bandar. Namun demikian pengubahsuaian perlu dilaksanakan dari segi pemakaian Kurikulum, teknik

pembelajaran, serta keperluan fizikal dan peralatan pembelajaran di TASKA-TASKA KEMAS mengikut kemampuan dari segi kewangan dan tenaga pengajar.

(v) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

47. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional pada masa kini terlibat dalam pengendalian TADIKA untuk kanak-kanak berumur 5 hingga 6 tahun atau di peringkat prasekolah. Adalah dicadangkan supaya Jabatan ini menubuhkan juga Pusat PERMATA di TABIKA Perpaduan untuk kanak-kanak 4 tahun ke bawah di kawasan bandar dan pinggir bandar.

(vi) Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Kebangsaan di Universiti Pendidikan Sultan Idris

48. Pada peringkat permulaan, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Kebangsaan (NCDRC) akan melaksanakan perkara-perkara berikut :

- (i) membuat pengawalseliaan dan naziran ke atas pelaksanaan Kurikulum Kebangsaan secara pentadbiran sebelum diserahkan kepada Kementerian Pelajaran ; dan
- (ii) menyediakan keperluan latihan tenaga pendidik sehingga Kementerian Pelajaran bersedia untuk melaksanakannya.

49. Berhubung dengan cadangan supaya pemantauan / naziran ke atas pelaksanaan Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak di TASKA-TASKA dijalankan oleh NCDRC ia boleh dilaksanakan melalui suatu ikatan kontrak antara Kerajaan dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Persetujuan oleh agensi-agensi kerajaan yang mengelolakan TASKA ke atas penglibatan NCDRC dalam pemantauan / naziran pelaksanaan Kurikulum tersebut hendaklah diperuntukkan di dalam kontrak berkenaan, berserta dengan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pemantauan / naziran tersebut. Sementara itu, persetujuan pertubuhan perbadanan seperti FELDA bolehlah diperoleh secara berasingan.

50. Di samping itu, peranan dan tanggungjawab NCDRC juga akan diperluaskan bagi melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:

- (i) menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan perkembangan kanak-kanak;

- (ii) menjadi pusat rujukan dan memberi khidmat latihan kepada pendidik dan jurulatih PERMATA serta lain-lain pihak yang berminat;
  - (iii) mewujudkan pangkalan data kanak-kanak seluruh Malaysia bagi tujuan memantau dan menyelidik perkembangan kanak-kanak seluruh Malaysia;
  - (iv) menerbitkan bahan bacaan atau rujukan mengenai pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak hasil dari kajian yang dijalankan berasaskan keperluan pembangunan kanak-kanak; dan
  - (v) membina jaringan dengan pelbagai pihak dalam dan luar dalam meningkatkan mutu dan kualiti asuhan dan didikan awal kanak-kanak di Malaysia
- (vii) Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA) Jabatan Perdana Menteri

51. Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA) di bawah Jabatan Perdana Menteri akan menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti berikut :

- (i) menjadi urus setia kepada Majlis Penyelarasan Dasar PERMATA Negara;
- (ii) menyelaras perluasan Program Didikan dan Asuhan Awal Kanak-kanak PERMATA di seluruh negara; dan
- (iii) mengurus 14 Pusat PERMATA sedia ada sebelum pengurusannya diserahkan kepada Kementerian Pelajaran.

#### 6. PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN DASAR

52. Pelaksanaan Dasar ini akan dijalankan secara berperingkat melalui Fasa I dan Fasa II mulai tahun 2009.

Fasa Pertama (Mulai 2009)

- (i) Pemakaian Kurikulum Asuhan Dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan Di Taska Yang Dikelolakan Oleh Kerajaan

53. Pemakaian Kurikulum Kebangsaan ini hanya terpakai bagi TASKA yang dikelolakan oleh Kerajaan atau badan-badan berkanun :

- (i) TASKA KEMAS yang dikelolakan oleh KEMAS, Kementerian Kemajuan Luar Bandar;
- (ii) TASKA Perpaduan yang dikelolakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan;
- (iii) TASKA Kementerian Pertahanan ; dan
- (iv) Pusat Anak PERMATA Negara.

54. Pemakaian kurikulum ini boleh dibuat secara pentadbiran, tanpa perlu meminda mana-mana undang-undang. Ini adalah kerana TASKA yang dikelolakan oleh agensi Kerajaan tidak tertakluk kepada mana-mana undang-undang. Seksyen 3 Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308) telah mengecualikan TASKA yang dikelolakan oleh kerajaan daripada pemakaian Akta tersebut.

55. Bagi TASKA yang dikelolakan oleh pertubuhan perbadanan dan perlu berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, seperti TASKA FELDA, pertubuhan perbadanan boleh memilih untuk menerima pakai Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan yang digubal oleh Kementerian Pelajaran.

- (ii) Penubuhan Pusat PERMATA KEMAS

56. Fasa 1 akan melibatkan peningkatan taraf 304 taska sedia ada dari aspek latihan, perjawatan, kemudahan dan peralatan.

- (i) Latihan

Bagi melaksanakan kurikulum PERMATA di semua Taska KEMAS sepenuhnya, latihan tambahan kepada pegawai dan kakitangan KEMAS sedia ada yang mengendali dan memantau Taska KEMAS perlu diadakan seperti berikut :

- (a) kursus Jurulatih Utama kepada seramai 20 orang Jurulatih KEMAS dan Pegawai / Penyelia Frasekolah untuk menjadi 'Master Trainers';
- (b) kursus Orientasi Kurikulum PERMATA kepada seramai 840 orang Pengasuh dan Penyelia / Pegawai Pemantau. Ia akan di buat secara berperingkat dalam jangka masa 3 tahun;

- (c) mempertingkatkan tahap kelulusan akademik Pemaju Masyarakat sedia ada ke peringkat diploma di institusi pengajian tinggi secara jarak jauh pada hujung minggu;
- (d) latihan pra perkhidmatan kepada Pemaju Masyarakat baru yang akan dilantik; dan
- (e) dengan mengambil kira nisbah seorang pengasuh kepada 5 orang kanak-kanak dari itu program PERMATA KEMAS akan memerlukan seramai 818 orang pengasuh tambahan.

(ii) Kemudahan Premis dan Peralatan

Bagi menjadikan Taska KEMAS setaraf dengan Pusat PERMATA pengubahsuaian dan naik taraf dari segi ruang dan kemudahan serta peralatan pembelajaran perlu dilaksanakan secara berperingkat mengikut kemampuan kewangan.

(iii) Perjawatan

Pada masa kini jawatan Pemaju Masyarakat Taska KEMAS adalah bertaraf kontrak dengan tangga gaji disandarkan ke jawatan Gred N11. Dengan perancangan latihan dan cadangan peningkatan tahap kelulusan akademik, gred jawatan Pemaju Masyarakat Taska KEMAS ini perlu disesuaikan selaras dengan kelulusan akademik. Di samping itu KEMAS juga memerlukan penambahan jawatan sebanyak 818 orang di peringkat Pemaju Masyarakat dan 356 orang di peringkat Pembantu Taska.

(iii) Penubuhan Pusat PERMATA Perpaduan

57. Sebagai permulaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPIN) mencadangkan supaya Taska PERMATA Perpaduan ini dilaksanakan dalam lingkungan kawasan Rukun Tetangga di bandar dan pinggir bandar seperti di Pusat Aktiviti Perpaduan, pusat Rukun Tetangga dan bangunan Tabika Perpaduan. Bagi Fasa I sebanyak 105 Pusat PERMATA Perpaduan akan ditubuhkan iaitu 15 bagi tahun 2009, 30 buah Pusat pada tahun 2010 dan 60 buah Pusat pada tahun 2011.

(i) Kemudahan Premis dan Peralatan

Kebanyakan bangunan dan premis sedia ada JPNIN perlu ditambah baik dan diubahsuai supaya setaraf dengan Pusat PERMATA. Memandangkan kini terdapat 415 buah bangunan yang sesuai dijadikan sebagai Taska PERMATA Perpaduan, pelaksanaannya perlulah dibuat secara berperingkat bersesuaian dengan kemampuan kewangan.

(ii) Perjawatan

Bilangan jawatan yang diperlukan bagi 105 Taska PERMATA Perpaduan ialah seperti berikut:

Tahun	TASKA	Pendidik	Pembantu Pendidik
2009	15	60	30
2010	30	120	60
2011	60	240	120
Jumlah	105	420	210

JPNIN mencadangkan supaya Pendidik dilantik pada Gred S27 dengan pembantunya pada Gred N11 berasaskan kelayakan akademik mereka.

(iii) Latihan

Pendidik di Pusat PERMATA Perpaduan di jangka perlu mengikuti latihan dalam bidang pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak selama 6 minggu.

(iv) Penubuhan Pusat PERMATA FELDA

58. FELDA bercadang untuk memperluaskan program PERMATA dengan menambah lima lagi Pusat iaitu di FELDA Jaya Raja Alias, FELDA Gugusan Besout, FELDA Gugusan Kertih, FELDA Ciku Kelantan dan FELDA Tenggaroh. Bangunan-bangunan sedia ada di lokasi-lokasi tersebut akan dinaiktarafkan supaya sesuai dengan keperluan program PERMATA.

(v) Penubuhan Pusat PERMATA Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

59. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan menubuhkan Pusat PERMATA di 5 buah lokasi iaitu Kompleks Perumahan Desa Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur (Markas

ATM), Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur (Markas Tentera Darat), Pangkalan TLDM Lumut (Markas Tentera Laut), Pangkalan Udara Subang (Markas Tentera Udara), dan Taskanita Kementerian Pertahanan (PUSPANITA). ATM seterusnya akan menambah 8 lagi Pusat PERMATA ATM iaitu 4 lokasi bagi Tentera Darat, 2 lokasi bagi Tentera Laut dan 2 lokasi bagi Tentera udara.

#### Fasa Kedua (Mulai 2010)

##### (i) Pemakaian Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan Di Taska Swasta

60. Sekiranya pemakaian Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak ini akan dijadikan mandatori bagi semua TASKA, termasuklah yang ditubuhkan dan dikelolakan oleh pihak swasta, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 22 Akta Pendidikan 1996 bagi pemakaian Kurikulum Kebangsaan prasekolah di TADIKA-TADIKA termasuk TADIKA Swasta, maka pindaan hendaklah di buat kepada Akta Pendidikan 1996 bagi memasukkan peruntukan yang serupa.

61. Dengan ini, Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak akan menjadi sebahagian daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan. Bagi maksud ini, pindaan yang substantif perlu dibuat kepada Akta Pendidikan 1996, khususnya yang melibatkan Bahagian IV yang memperuntukkan perkara-perkara berhubung dengan Sistem Pendidikan Kebangsaan.

62. Peruntukan mengenai kenyataan Dasar yang disebut dalam perenggan 14 di atas adalah peruntukan membolehkan (enabling clause) yang memperuntukkan bahawa Menteri Pelajaran mempunyai kuasa untuk menggubal atau menetapkan serta bertanggungjawab bagi hal-hal yang berkaitan dengan kurikulum asuhan dan didikan awal kanak-kanak. Selain itu, kenyataan Dasar ini tidak menyentuh obligasi mana-mana pihak untuk melaksanakan kurikulum tersebut. Ini adalah kerana pelaksanaannya boleh dibuat secara pentadbiran.

63. Berhubung dengan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 yang memperuntukkan mengenai pengawalseliaan taska swasta, khususnya pendaftaran TASKA swasta, walaupun ia tidak memperuntukkan mengenai penggubalan dan pemakaian kurikulum di TASKA, namun pemakaian Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak adalah di peruntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Di Institusi) 1985 yang dibuat di bawah Akta tersebut. Memandangkan

Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak yang digubal oleh Kementerian Pelajaran akan terpakai bagi semua TASKA, maka beberapa pindaan mungkin perlu dibuat kepada Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984.

64. Bagi melaksanakan pemakaian Kurikulum Kebangsaan di semua TASKA swasta, adalah dicadangkan supaya pindaan kepada Akta Pendidikan 1996 dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dipinda pada tahun 2010.

Hak cipta PERMATA Negara, Jabatan Perdana Menteri (c) 2009